



## IHTIFAL KEBANGSAAN SEKOLAH ABIM (IKSA) KALI KE - XX



Bangi Convention Center - SERI Alor Setar juara bertahan IKSA kali ke-XX telah banyak merangkul piala emas dan SEMI Seremban Johan bagi kategori sekolah menengah. Tempat kedua dimenangi oleh SERI Seremban dan SEMI Ad-Diniah, Pulau Pinang manakala tempat ke-tiga jatuh kepada Al-Huda, Gombak dan SEMI Sg. Ramal, Kajang. Hadiah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Ketua Majlis Isytisari. Pada kali ini Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) telah menjadi tuan rumah dalam penganjuran Ihtifal (Akademik) Kebangsaan SERI/ SEMI ABIM (IKSA) Kali Ke-XX dengan jayanya.

Pelaksanaan pertandingan diadakan di sekolah pada 15-30 Oktober 2021 secara maya berikutan pandemik COVID 19 yang tidak membenarkan aktiviti bersemuka di sebahagian negeri. Pertandingan ini telah dijalankan di antara kelas dan tahun yang dilaksanakan oleh guru dengan pasukan masing-masing mengikut acara yang dipertandingkan. Peserta yang terbaik bagi setiap acara dipertandingkan di peringkat kebangsaan melalui juri yang dilantik oleh YTP. Sembilan acara telah terpilih untuk kategori sekolah rendah dan tujuh acara sekolah menengah rendah dan menengah atas. Acara tersebut adalah Tilawah Al-Quran, Hafazan Al-Quran, Azan, Bacaan Mathurat, Nasyid, Bercerita Kisah Al-Quran, Syarahan Bahasa Melayu, Syarahan Bahasa Inggeris dan Syarahan Bahasa Arab. Seramai 734 pelajar telah mengambil bahagian dalam setiap acara yang telah dipertandingkan.

Peringkat akhir pertandingan, setiap sekolah telah menghantar peserta untuk bertanding secara maya dengan menghantar video rakaman yang telah dinilai oleh juri dari luar. Seramai 315 pelajar telah dinilai oleh juri luar selama 3 hari iaitu pada 8-10 November 2021 sebelum keputusan akhir dibuat.

Majlis penyampaian hadiah telah dilaksanakan dengan jayanya pada 14 November 2021 di Bangi Convention Center (BCC). Seramai 400 orang yang dijemput untuk meraikan majlis ini iaitu Ahli Lembaga Pengarah, YTP, YTPN, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan Setiausaha Ko-Kurikulum serta ketua kontingen untuk meraikan para pemenang seramai 135 orang pelajar. YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Ketua Majlis Isytisari telah memberi ucapan utama sementara YBerusaha Tn. Hj. Mohd. Musleh (Ketua Pengarah, YTP dan Dr. Radin Imanuddin memberi ucapan aluan. Sijil IKSA kali ini telah mendapat pengiktirafan PAJSK oleh Bhg. Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari Johan hingga tempat ke-lima. Ironinya walau pun suasana PKP dan sekolah ditutup proses pembelajaran berlaku dan dapat mencungkil bakat serta menggilap potensi pelajar secara lebih kreatif dan kritis. Tahniah kepada semua SERI dan SEMI yang telah memberi komitmen dan usaha gigih menyertai IKSA sebagai tanda sokongan dan ukhuwwah dan mencapai misi "Menggilap Potensi dan Memperkasa Budaya" dengan hikmah.

*Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman*

## MAJLIS APRESIASI MERAIKAN PARA JURI IKSA KALI KE-XX

Dari Meja Editor

### IHTIFAL AKADEMIK SECARA MAYA YTP

Tidak dapat dinafikan bahawa kesan pandemik Covid-19 telah banyak merubah gaya hidup kita dalam semua bidang termasuk bidang pendidikan. Dalam pendekatan norma baharu, para pelajar, guru-guru dan ibubapa serta sistem pengurusan di sekolah secara umumnya perlu mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu bagi mengekang penularan virus Covid-19. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah berubah ke arah maya. Kini belajar secara atas talian telah menjadi biasa bagi pelajar-pelajar, guru-guru dengan menggunakan perantaraan Google Classroom, Google Meet dan sebagainya.

PdP secara maya bukan sahaja dilaksanakan untuk pengajaran akademik sahaja malah telah dilaksanakan untuk Ihtifal Akademik atau Ihtifal Kebangsaan Sekolah ABIM (IKSA). Pelaksanaanya dibuat secara dua peringkat. Peringkat pertama dijalankan di setiap sekolah secara maya dan kedua di peringkat kebangsaan di mana johan setiap acara di peringkat sekolah dipertandingkan di peringkat kebangsaan. Di peringkat kebangsaan, pengakiman dijalankan secara maya juga oleh hakim-hakim yang berkelayakan dalam bidang masing-masing.

Dengan pelaksanaan IKSA secara maya, kita dapat telah dapat menjimatkan perbelanjaan berbanding dengan pelaksanaan secara fizikal atau bersemuka, yang penting guru-guru dapat membimbang para pelajar untuk menggunakan kemudahan ICT secara digital. Kaedah ini memberi peluang kepada lebih ramai bilangan pelajar di setiap sekolah untuk menyertai acara-acara yang dipertandingkan di peringkat sekolah. Di samping itu ianya dapat mencungkil bakat para pelajar dan memberi pengalaman untuk terus maju sama ada dalam bidang akademik mahu pun kokurikulum.

Yayasan Takmir Pendidikan telah menganjurkan IKSA buat pertama kalinya menggunakan kaedah maya dalam bulan Oktober 2021 dan acara kemuncaknya majlis penyampaian hadiah pada 14 November 2021. Oleh kerana ianya pertama kali dilaksanakan sudah tentu banyak pengalaman baharu yang diperoleh dan tidak terlepas daripada kekurangan dan kelemahan dalam pengendalian IKSA ini. Ianya boleh dijadikan asas dan panduan untuk menambah baik kualitinya supaya menjadi cemerlang lagi. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan IKSA ini terutama guru-guru di peringkat sekolah dan semua staf YTP di peringkat kebangsaan.

Hj. Samian Mohd Ali



Yayasan Takmir Pendidikan telah mengadakan Majlis Apresiasi sempena meraikan para juri IKSA Kali Ke-XX pada 2 Disember 2022 di Bangi Convention Centre. Para juri profesional yang terdiri daripada pensyarah Institut Perguruan, Kampus Pendidikan Islam, JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, Universiti Selangor (UNISEL), Akademi Motivasi Profesional (AMPro), Kolej Dar Al-Hikmah dan jemputan khas di dalam kepakaran tertentu.

Majlis santai ini diserikan oleh ucapan Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos, Ketua Pengarah, YTP dan pengendalian majlis oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman, merangkap Pengarah program dan Pengerusi Majlis. Ust. Mahyuddin b Ashaari (Mantan Ketua Pengarah, YTP) dan isteri, Ust. Nazil Syaifuddin (Ketua Pegawai Eksekutif dan Pn. Rogayah Sebli (Guru Besar SERI Sg Ramal) turut hadir meraikan para tetamu. Para juri diberikan sijil IKSA, honorarium, buku terbitan ABIM dan cenderamata beg IKSA. Pihak YTP mengucapkan terimakasih diatas sumbang bakti dan masa yang diberikan untuk mengadili peserta dengan saingenan yang sengit.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman



“Sakit dalam  
perjuangan itu hanya  
sementara, namun  
jika menyerah, rasa  
sakit itu akan terasa  
selamanya.”

### Sidang Redaksi

#### Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

#### Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

#### Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

#### Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman  
Suhaili Husin  
Khairani Thanin  
Mohd Naim Mohd Nor  
Che Abd Fatah Che M. Nor  
Syahirah Zamasry  
Norhasikin Ismail  
Susunatur Grafik  
Khairul Anuar M. Ariffin

#### Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan  
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,  
43650 Bandar Baru Bangi  
Emel:  
yayasantakmir@gmail.com  
Tel: 03-89265853 / 03-89202308  
Fax: 03-89201788

# **KURSUS ASAS PERGURUAN AL-HIKMAH (KAP-AH) MOD 2**

Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) telah menganjurkan Kursus Asas Perguruan Al-Hikmah (KAP-AH) Mod 2 untuk siri ketiga secara bersemuka dengan jayanya pada 13 - 15 Disember 2021 di Bangi Guest House yang lalu. Kursus ini merupakan kesinambungan daripada siri pertama dan kedua pada 30 Mac - 1 April 2021 dan 8 - 10 Jun 2021 yang lalu. Siri 1 dan 2 diadakan secara maya disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Kursus ini telah diadakan selama tiga hari dan peserta yang telah menghadiri tiga siri akan menjalani praktikum di sekolah masing-masing selama satu bulan mulai Januari 2022 atau Mei-Jun pada tahun ini bagi melengkapkan kursus dan memperolehi sijil Ikhtisas YTP. Jumlah peserta kursus bagi siri ketiga ini sebanyak 82 orang iaitu 64 guru dari SERI/SEMI/TAHFIZ, 19 guru dari TASKI. Peserta dari institusi lain iaitu 2 wakil dari Sekretariat ABIM Negeri Sembilan dan 2 guru dari Madrasah Pengajian Islam, Kelantan. Kursus ini diadakan secara hybrid di mana peserta yang tidak dapat hadir berkursus atas faktor kesihatan berkursus melalui atas talian.



Kursus ini dirasmikan oleh Tn. Hj. Khailani b. Abdul Jalil selaku Timbalan Ketua Pengarah YTP dan sesi taklimat oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt. Keman selaku Pengarah Latihan dan Modal Insan pada permulaan kursus. Sesi kelas dimulai dengan Perancangan dan strategi PdP Al-Hikmah oleh Tn. Hj. Mohammad b. Abu Daud (Pengarah Akademik, YTP) dan sesi bengkel melalui aktiviti I-Think dan Galery Walk.

Manakala tajuk Aplikasi Alatan Digital dan Aplikasi Software disampaikan oleh Dr. Abdul Khahar b. Saprani (Pengarah Teknologi dan Pengajaran Digital, YTP). Peserta mendapat pengetahuan dan kemahiran cara-cara mendaftar Google Mail, penggunaan Google Drive dan Google Slide dengan lebih efisien dan teratur. Peserta juga mendapat pendedahan untuk menyunting dan pentaksiran dalam talian, ICT for Communication dan tugas secara berkumpulan dimuat naik kedalam link padlet yang disediakan.

Taklimat Praktikum dan Micro Teaching diberikan oleh Tn Hj Ishak b Ali Shah (Pengarah TASKI, YTP) sebagai persediaan untuk menjalani praktikum selama sebulan pada tarikh yang ditetapkan. Manakala kelas Micro Teaching dikendalikan oleh Tn Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil untuk SERI dan SRI Kafa manakala Tn. Hj. Ishak b. Ali Shah mengendalikan kelas Mickro Teaching untuk TASKI. Pemarkahan aktiviti micro teaching diambil. Peserta yang mengikuti kursus secara maya juga turut mengadakan sesi mikro teaching. Peserta terbaik bagi kategori SERI jatuh kepada Kumpulan 5 yang dianggotai oleh peserta dari SERI Alor Setar dan kategori TASKI jatuh kepada Kumpulan 1 (gabungan beberapa TASKI).



KAP tidak lengkap kiranya tiada aspek kerohanian dan kesihatan jasmani, Justeru itu kuliah Subuh telah diatur bagi membekalkan ilmu ukhrawi dan kemantapan kerohanian dan kesihatan fizikal kepada peserta kursus. Ustaz Mohd. Haziq Zhafiran dari SERI Alor Setar dan Ustazah Aini dari SERI Chemor telah mengisi kuliah Subuh dan berselang hari dengan aktiviti senaman yang dipimpin oleh Sdr. Khairul Anuar Mohd. Ariffin (YTP) dan Ust. Khairuddian b. Salleh (SERI Alor Setar) selaku Penghulu KAP Siri 3.

Majlis Penutup disempurnakan oleh Tn Hj. Mohd. Musleh b. Mohd Yunos, Ketua Pengarah, YTP serta penyampaian hadiah kepada tiga kumpulan terbaik.

**Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman**

# **PELANCARAN USRAH WARGA AL HIKMAH (USWAH)**

USWAH adalah singkatan kepada Usrah Warga Al-Hikmah, iaitu Warga Pendidikan ABIM seluruh negara. Ia mula dicetuskan di dalam Kursus Kepimpinan Perubahan PIS 0.3 yang diadakan pada 17-19 Ogos 2021 yang mana telah mencadangkan agar warga Pendidikan jamaah WAP mengadakan satu usrah umum bulanan atau dwi bulanan secara bertema. Ia melibatkan semua warga pendidik kita, dari YTPN, ahli lembaga pengelola sekolah, kepimpinan pengurusannya, guru-gurunya dan para petugas amnya, secara atas talian. Tujuannya untuk membina kesatuan fikrah, kejadian ukhuwwah, dan memahami visi dan misi Pendidikan yang ingin kita bawa bersama. Mesyuarat pengurusan YTP pada 8 Sept 2021, telah persetujui kertas cadangan konsep usrah ini, khas untuk warga Pendidikan jamaah WAP, dan kita namakan program ini sebagai USWAH (usrah warga al-hikmah).

Pada 6 Okt 2021 majlis perasmian dan pelancaran USWAH dimasyhurkan oleh pimpinan tertinggi jamaah oleh Ketua Pengarah YTP Tn. Hj. Musleh bin Mohd Yunos, mengharapkan USWAH ini dapat meningkatkan kefahaman kita terhadap Tanzim haraki dan perlaksanaan agenda dakwah, kerana kita sangat memerlukan bekal yang cukup untuk melaksanakan misi tarbiah dan melahirkan generasi Khaira Ummah di masa hadapan. Beliau memberi penghargaan kepada pimpinan yang sudi meluangkan masa, guru-guru, kakitangan dan seluruh warga Pendidikan kita di seluruh negara yang bersama kita pada hari tersebut.



di seluruh negara."

Setelah itu kata Inspirasi oleh Presiden ABIM, Sdr. Mohd Faisal bin Abd. Aziz, yang mengingatkan 3 aspek penting di dalam situasi sekarang, pertamanya soal Covid 19, beliau membaca hadis, "rebutlah 5 perkara sebelum datangnya 5 perkara." Beliau menjelaskan zaman muda kamu sebelum datang tua, menunjukkan masa berlalu begitu pantas, tanpa kita sedar sudah hampir dua tahun covid 19 menyerang kita. Sihat kamu sebelum sakit, apabila covid 19 datang kita mula hendak fokus untuk jaga kesihatan. Kaya kamu sebelum datang fakir, isu ekonomi menjadi perhatian besar bila serangan wabak ini merebak, ramai yang hilang punca pendapatan, kedai makan dan syarikat perniagaan ditutup, rata-rata masyarakat merintih soal kegawatan ekonomi. Waktu lapang sebelum sibuk, bila bekerja dirumah kesibukan jadi berganda dengan urusan anak-anak dan rumah. Hidup kita sebelum mati kita, ramai dikalangan kita yang telah meninggalkan kita, jadi suasana covid 19 ini mengingatkan kita pada hadis ini. Beliau menjelaskan bahawa kita sedang berada di fasa covid 19 yang menuntut kita sentiasa merancang agar kembali *survive* membangunkan pendidikan dan ekonomi, teknik pengajaran *digital learning* yang kita lalui dalam masa PKP jangan kita tinggalkan dan USWAH salah satu contoh medium atas talian yang boleh mengumpulkan ratusan peserta dalam satu-satu masa. Akhir sekali Presiden ABIM mengucapkan tahniah pada YTP yang berjaya mewujudkan silibus Tarbiah KeABIMan yang akan memecah tradisi sedia ada, secara rasminya guru-guru sudah boleh berbicara soal ABIM di sekolah ABIM, malah KPM pun sudah memperkenalkan ABIM di dalam silibus sejarah tingkatan 5, di bawah tajuk sumbangan NGO di peringkat antarabangsa.

Kemudian kata sambutan tuan rumah disampaikan oleh Pengerusi ALP YTP oleh Dr. Raden Imaduddin bin Raden Abd Halim (juga Naib Presiden ABIM). Beliau mengupas dan menegaskan kembali bahawa kita bertekad untuk memperjuangkan Pendidikan al-Hikmah yang digagaskan oleh pimpinan awal jamaah kita. Beliau mengupas ayat 17 Surah Luqman yang memaparkan Pendidikan berteraskan nilai kasih sayang, hubungan dengan Allah melalui solat yang merupakan tarbiah rohani kita, kepedulian sosial yang patut diterap di dalam institusi Pendidikan kita seperti amar makruf nahi mungkar dan yang terakhir adalah sabar iaitu ketahanan mental, ia adalah nilai hikmah yang terpenting. Kata beliau, "Saya mohon agar kita banyak bersabar dalam menggerakkan USWAH ini dan Tanzim haraki kita



Dan akhirnya Ucaptama Perasmian disampaikan oleh Dato' Hj. Ahmad Azam bin Abd. Rahman yang memulakan bicara dengan mempersoalkan apa Maqasid penubuhan sekolah kita? Inilah yang menjadi asas kepada halatuju Pendidikan kita hari ini, ustaz Siddiq Fadhil menyatakan misi kita adalah Tahriri, Tanwiri dan Taghyiri.



Dato' Hj. Ahmad Azam b. Abd. Rahman (Presiden WADAH)

Tahriri itu membebaskan diri dari segala belenggu, dengan hanya meng'isbat' Allah dan menafikan yang lain sebagai tuhan. Tanwiri itu memberi pencerahan kepada umat, hari ini kita dapat anugerah daripada Allah untuk menyebarkan informasi melalui online, sekali ceramah seluruh dunia boleh dengar, maka jangan kita sia-siakan, manfaatkan kelebihan ini untuk berdakwah pada umat. Taghyiri itu membawa perubahan pada umat, kita dituntut terus berjuang dan berjuang, kemenangan itu milik Allah, dia akan beri kepada siapa yang dia mahu. Bayangkan tahun 70an Islam masih menjadi agama terpinggir, tetapi pada tahun 80an Islam telah

berada diurus perdana, sebahagiannya adalah hasil perjuangan kita, ketika Dato Seri Anwar Ibrahim dijemput menyertai kerajaan, beliau menterjemahkan Islam dalam Pendidikan, ekonomi, pentadbiran, hubungan antarabangsa dan lain lain. Menyertai ABIM ini adalah tempat mencari mardhatillah, bukan sekadar tempat mencari makan sahaja, atau mencari kekayaan, kerana tak mungkin kaya kalau bekerja dengan ABIM. Oleh kerana kerajaan sudah menerima idea Islamisasi kita, maka belajar di sekolah mana pun elemen keislaman itu sudah menjadi aspek utama di dalam sekolah tersebut, jadi sekolah-sekolah kita patut menjadi pusat kaderisasi kita untuk mencetak pemimpin-pemimpin bertaraf antarabangsa, bertaraf nasional, yang akan membawa perubahan kepada negara kita. Kita bukan hendak menjadi sekolah yang nak bersaing dengan sekolah kerajaan, nak bersaing dengan MRSM atau SBP, tetapi kita ada misi kita untuk diberi perhatian kerana kita sudah berjaya melahirkan anak-anak yang baik dan berprestasi tinggi sejak 1989 hingga kini, tetapi di mana mereka hari ini? Adakah mereka hidup untuk diri sendiri atau menyumbang kepada umat? Jadi marilah kita meletak wawasan dalam 10 tahun akan datang, akan lahir dari sekolah kita 100 orang pemimpin bertaraf nasional, 40 bertaraf regional, dan 20 bertaraf global, ini wawasan yang kita inginkan, melalui usrah/uswah kita perlu tanamkan nilai baru iaitu ruh perjuangan untuk merubah landscape negara pada masa akan hadapan, semoga wawasan dan harapan ini di permudahkan oleh Allah, tahniah kepada semua guru-guru yang berkhidmat, kakitangan YTP dan seluruh pendokong agenda kita ini, dengan Bismillah kita lancarkan Program USWAH ini, semoga bermanfaat untuk umat.

Laporan : Hj. Mohd Naim Mohd Nor



**"Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."**

# **PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH (SIRI 1)**



## **PENDAHULUAN**

Pada amnya sesebuah organisasi yang bergerak aktif memang memerlukan sumber kewangan yang mencukupi bagi mengendalikan aktivitinya. Sumber kewangan ini hendaklah diuruskan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan oleh organisasi berkenaan. Tanpa pengurusan kewangan yang jujur dan sistematik organisasi berkenaan terdedah dengan penyalahgunaan wang dan menghadapi krisis kewangan yang boleh meruntuhkan organisasi itu sendiri. Oleh itu pengurusan kewangan yang efektif hendaklah dilaksanakan di setiap organisasi.

## **SUMBER KEWANGAN**

Sekolah merupakan sebuah institusi yang memerlukan sumber kewangan untuk beroperasi. Bagi sekolah-sekolah kerajaan sumber kewangannya adalah daripada wang kerajaan yang diberikan peruntukan kepada setiap sekolah pada setiap tahun. Manakala bagi sekolah-sekolah swasta sumber kewangan yang utama adalah daripada kutipan yuran para pelajar. Bagi sekolah-sekolah swasta pengurusan kewangannya lebih mencabar berbanding sekolah kerajaan. Ini kerana sekolah swasta perlu menguruskan sumber pendapatan dengan cekap dan dalam masa yang sama perlu mengawal setiap perbelanjaan supaya tidak melebihi daripada belanjawan yang telah diluluskan. Untuk jangka panjang sekolah-sekolah swasta tidak boleh terus bergantung kepada kutipan yuran sahaja kerana kos pengurusan dan pentadbiran akan meningkat dari semasa ke semasa sedangkan kadar yuran tidak boleh dinaikkan pada setiap tahun. Oleh itu pihak sekolah perlu memikirkan sumber-sumber lain seperti perniagaan atau apa-apa aktiviti yang boleh menjana dana untuk sekolah.

## **MENGAPA PERLU PENGURUSAN KEWANGAN YANG SISTEMATIK**

Pengurusan kewangan yang sistematik adalah perlu untuk memastikan penggunaan wang yang efisen dan mengikut keperluan sesebuah organisasi. Pengurus kewangan adalah merupakan pemegang amanah kepada pemilik sesebuah organisasi. Dalam konteks sekolah, jika sekolah berkenaan milik jamaah, maka pengurus kewangan atau orang yang diberi mandat untuk menguruskan sekolah, adalah pemegang amanah bagi pihak jamaah. Oleh itu seorang pengurus itu ia tertakluk kepada peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh sekolah. Beliau tidak boleh berbelanja sesuka hati tanpa merujuk kepada mandat yang diberikan. Oleh itu setiap sekolah mesti mempunyai polisi atau peraturan mengenai kewangan yang jelas supaya memudahkan pengurus melaksanakan tanggungjawabnya. Dalam konteks ini Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) telah menyediakan Polisi Kewangan untuk dijadikan garis panduan oleh semua sekolah di bawah YTP.

Di antara pekara penting dalam Polisi Kewangan ialah semua transaksi urus niaga sama ada urusan penerimaan wang atau urusan pembayaran hendaklah ditulis dengan jelas dan mempunyai dokumen sokongan. Orang yang mengendalikan transaksi hendaklah mempunyai ilmu asas mengenai kewangan dan perakaunan. Setiap transaksi hendaklah disemak dan disahkan oleh orang yang berautoriti bagi memastikan tiada kesilapan dan ianya mematuhi prosedur kewangan. Oleh itu setiap sekolah terutamanya SERI dan SEMI hendaklah ada staf yang berkelayakan dalam bidang perakaunan bagi menguruskan hal ehwal kewangan supaya pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dikendalikan dengan sistematik dan sempurna.



Menulis atau merekodkan setiap transaksi urusniaga adalah amat penting terutama urusniaga yang berbentuk hutang supaya kedua-dua pihak iaitu yang memberi hutang dan penerima hutang mempunyai maklumat yang sama dan bagi mengelakkan pertikaian di masa

akan datang. Perkara ini ditegaskan di dalam Al-Quran dalam surah Al-Baqarah ayat 282 bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bermuamalah ( seperti berjual beli atau sewa menyewa) TIDAK SECARA TUNAI dalam jangka waktu yang ditentukan, maka hendaklah kamu MENCATATNYA. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar....."

Dalam ayat tersebut Allah SWT memerintahkan supaya orang yang berurusniaga hendaklah mencatat atau menulis setiap urusan jual beli terutama yang berkaitan dengan hal hutang piutang.

## TANGGUNGJAWAB KETUA PUSAT PENDIDIKAN


Sebagai Ketua Pusat Pendidikan samada Ketua Pegawai Eksekutif/Pengetua/Guru Besar, salah satu tanggungjawabnya ialah mengenai pengurusan kewangan sekolah. Beliau hendaklah memastikan pengurusan kewangan yang dijalankan oleh pegawai kewangan atau pegawai yang diberi mandat untuk menguruskan hal-hal kewangan melaksanakannya mengikuti peraturan yang telah ditetapkan. Beliau hendaklah menandatangani dokumen penting berkaitan operasi kewangan seperti menandatangani cek, laporan kewangan tahunan dan dokumen-dokumen lain berkaitan urusan perbankan. Laporan kewangan semasa perlu dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengelola Sekolah(LPS) secara regular untuk memaklumkan tentang prestasi dan kedudukan kewangan semasa sekolah. Sekiranya terdapat permasalahan berkaitan kewangan, hendaklah dilaporkan dan bersama-sama untuk mencari jalan bagaimana mengatasinya.

## PENGENDALI URUSAN KEWANGAN

Selain daripada itu perlu diingatkan bahawa staf yang mengendalikan urusan operasi kewangan sekolah hendaklah mempunyai kemahiran professional sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang perakaunan dan sekiranya telah mempunyai pengalaman kerja dalam bidang pengurusan kewangan adalah sangat baik. Ini memudahkan beliau menjalankan tugas harian dengan lancar dan baik .

*Oleh : Hj Samian bin Mohd Ali  
(Pengarah Pengurusan & Kewangan)*

## PENTAKSIRAN BILIK DARJAH - SPRA



Bermula 2021, semua sekolah Rendah Islam ABIM dan SERI KAFA ABIM telah melaksanakan inisiatif Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Sijil Pendidikan Rendah ABIM (SPRA). PBD bagi SPRA dilaksanakan sepenuhnya di Tahun 6 bagi mata pelajaran DINI. YTP telah membangunkan sistem Pentaksiran yang diserasikan dengan pendidikan al-Hikmah dalam format dan rubric yang telah ditetapkan.

PBD di sini bermaksud pentaksiran dilakukan oleh guru secara berterusan untuk mengesan perkembangan murid dari aspek kemajuan, kebolehan dan pencapaian dalam tahun 6. PBD melibatkan proses pembinaan instrument, pelaksanaan pentaksiran, pengumpulan maklumat, penganalisisan data, perekodan dan refleksi secara berterusan. Proses ini diikuti dengan tindakan susulan untuk pembelajaran murid seterusnya. PBD perlu dilaksanakan secara berintegriti, telus dan jujur.

YTP selain membangunkan sistem pengoperasian yang dilengkapi dengan buku panduannya, juga menyediakan prosedur pentadbiran digital di mana setiap guru boleh memasukkan data komulatif murid terus ke pengkalan data di YTP. Usaha ini membolehkan sistem pendidikan di sekolah kelolaan YTP bergantung daripada paradigma lama *Exam Oriented* ke pendekatan pengesanan perkembangan murid secara menyeluruh yang merangkumi aspek pengetahuan, sikap dan prestasi diri serta pembinaan karakter.

*Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil*

# AKTIVITI TASKI



Pada 26 November hingga 30 November 2021, seramai 24 orang calon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 3 telah menghadiri sesi Bimbingan dan penilaian Portfolio bertempat di Pejabat Wadah, ABIM, PKPIM (WAP) yang berpusat di Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.

Taklimat secara bersemuka telah dikendalikan oleh Pegawai Jabatan Pembangunan Kemahiran ( JPK) Puan Siti Rakiah binti Omar dan dibantu oleh Pegawai Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) Norashikin binti Ismail.

Sepanjang program berlangsung, Pengurus TASKI Sabah Puan Kee Y Kamariah dan Pengurus Wadah Sabah Tuan Abdul Manap bin Mahmud telah banyak membantu melancarkan program.

*Laporan : Norhasikin Ismail*



## MENYANTUNI TASKI YANG TERJEJAS BANJIR

Pengurusan YTP telah mengadakan lawatan ke tiga buah TASKI yang terjejas dengan banjir besar yang berlaku dalam pertengahan Disember 2021 baru-baru ini. TASKI yang terlibat adalah:-

1. TASKI Al Hidayah , Jalan Chempaka, Desa Raya, Hulu Langat : 29 Disember 2021.
2. TASKI Taman Seri Muda Shah Alam: 28 Disember 2021
3. TASKI ABIM Ummu Fatimah, Bukit Changgang, Kuala Langat : 27 Disember 2021.

Banjir di Lembah Klang merupakan banjir yang paling ketara memandangkan Lembah Klang tidak menerima banjir akibat monsun seperti kawasan Pantai Timur. Hal ini menyebabkan puluhan ribu orang awam terpaksa dipindahkan dan terdapat mangsa-mangsa yang terkorban. Banjir ini telah mengakibatkan kerosakan infrastruktur seperti jalanraya, elektrik, bangunan dan rumah-rumah awam. Selain daripada itu kemusnahan paling ketara ialah kerosakan peralatan dan perkakasan rumah. Dalam lawatan kami ke tempat-tempat yang dilanda banjir, longgokan barang-barang yang musnah kelihatan di sepanjang jalan dan kerja-kerja sedang dijalankan untuk memindahkan dan membuang ke tempat yang ditetapkan. Sekali pandang keadaannya adalah seperti sunami yang berlaku di Aceh, Indonesia beberapa tahun lalu. Kebanyakan rumah yang telah ditenggelami sedalam 7 kaki dan ada yang mencecah bumbung.

Ketiga-tiga TASKI yang dilawati telah mengalami kerosakan peralatan bilik darjah, buku, alat tulis dan lain-lain dan hampir semua barang-barang tidak dapat diselamatkan dan mengalami kerosakan yang teruk. Lawatan ke buah TASKI yang terkesan telah disertai oleh Ketua Pengarah YTP dan beberapa orang pengarah YTP Pusat untuk melihat sendiri keadaan dan kesan banjir besar yang melanda TASKI-TASKI kita. Sebagai menyantuni dan rasa simpati, pihak YTP telah menyampaikan sumbangan kepada TASKI bagi membantu untuk membaik pulih sebelum sesi baru persekolahan yang akan bermula pada bulan Mac 2022.

**Laporan: Hj Samian Mohd Ali**



**TASKI ABIM Ummu Fatimah, Bukit Changgang, Kuala Langat Selangor**



**TASKI Ummu Fatimah**



**Barisan Pengarah YTP melawat dan menghulurkan bantuan kepada Puan Danisah selaku Penyelia di Taski Ummu Fatimah.**



**Ketua Pengarah YTP menghulurkan bantuan kepada Taski Sri Muda.**



**Kerosakan yang dialami Taski ABIM Al Hidayah Hulu Langat.**



**Barisan sukarelawan dari PEPIAS yang membantu membersihkan Taski AL Hidayah.**



# MENYUBUR AKAL BUDI

Manusia dianugerahkan akal untuk mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah. Bertapa Allah anugerahkan kita rezeki, kesihatan, kesempurnaan anggota tubuh badan dan kehidupan yang sejahtera untuk manusia hidup dengan aman damai. Untuk menjadikan akal sentiasa subur ia perlu sentiasa disirami dengan ilmu. Dengan ilmu manusia akan memiliki pandangan alam yang lebih luas dengan segala nikmat dan hikmah, sesuai dengan prinsip ‘alam terbentang menjadi guru’. Dengan ilmu hidup menjadi mudah dan selesa serta lebih indah dan bermakna. Justeru itu kita perlu berkeupayaan untuk sentiasa menjana ilmu dan mengalirkannya untuk tujuan kebaikan.

“Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.” (al-Baqarah, 2:29)

Dengan akal yang sihat, minda cerdas dan tubuh badan yang sihat manusia boleh menyuburkan kebaktian. Manusia akan terdorong untuk sentiasa cenderung menabur budi dan membuat kebaikan sebagai tanda syukur kepada pencipta alam semesta.

Manusia yang sentiasa mengharapkan *mardhatilLah* (keredaan Allah) sewajarnya memahami peranan untuk menyempurnakan tanggungjawabnya. Iaitu:

- Memahami dan bertanggungjawab terhadap amanah Allah mengenai kesejahteraan manusia dan kemakmuran alam.
- Melayani secara berterusan dengan rasa hormat, bertimbang rasa dan prihatin terhadap nasib orang lain.
- Memperagakan penampilan yang sopan dengan nilai-nilai luhur, sikap dan tingkah laku sesuai dengan konteks dan keadaan.
- Halus budi bahasa dan berinteraksi secara sopan dengan orang lain khususnya kepada ibubapa, orang tua dan pemimpin masyarakat.
- Sentiasa ringan tangan dan bahu-membahu untuk memberi pertolongan, sumbangan kebaktian dan khidmat sosial kepada yang memerlukan.
- Menyedari bahwa kebaktian yang dilakukan secara berterusan akan meyuburkan sifat mawaddah wa rahmah dan meningkatkan semangat siraturrahim sesama insan. Natijahnya akan memberi kesan timbal balik kepada kebaikan dan kesejahteraan diri. Ini sesuai dengan peringatan Allah dalam al-quran :

Jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu. (Surah Muhammad : 7)

- Memiliki sifat tahu malu melakukan perkara yang bertentangan syariah dan norma kehidupan yang luhur.

Kita tidak pernah terlepas daripada cabaran lingkungan samada yang timbul daripada hasil kebejatan tangan manusia atau bencana yang diturunkan Allah sebagai ujian dan peringatan dari langit. Fenomena pandemik covid 19 dan bencana banjir yang melanda negara menjadi sebahagian daripada sunatulLah dan fenomena alam sepanjang zaman. Kita perlu sentiasa berlapang dada dan bersangka baik atas musibah yang menimpa, semoga ia menjadi kifarah kepada segala dosa dan keterlanjutan yang kita lakukan.

Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan : Kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?” (Al-Ankabut:2-3.) Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. (Al-Baqarah : 286)

Apa yang penting kita sentiasa menengadah ke langit dengan zikir dan fikir, memohon kekuatan agar Allah kurniakan kesabaran dan redho atas segala takdir yang berlaku. Kita perlu terus memacu kehidupan dengan segala usaha, ikhtiar, doa dan tawakal berterusan, menyerah tulus kepada Allah untuk mengurniakan yang terbaik untuk kita..

**HAJI MOHD MUSLEH YUNOS**  
*Ketua Pengarah*  
**Yayasan Takmir Pendidikan**

## Ustaz Dr. Mohd Arshad b. Taib (28 November 1944 - 26 Oktober 2021)



Ustaz Dr. Mohd Arshad bin Taib, anak Perlis, dilahirkan di Kampung Petai, Batu 3 1/4 Jalan Kaki Bukit, Kangar. Mendapat pendidikan tinggi di Kolej Islam Malaya, kemudian Sarjana Syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir dan kemudian mendapat Doktor Falsafah dalam bidang syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor ketika berkhidmat di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Di UiTM, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di bawah Pusat Pendidikan Islam (Akademi Pengajian Islam Kontemporari – ACIS sekarang), dengan mengakhiri tugas dan bersara pada tahun 1999 ketika memegang jawatan sebagai Prof. Madya.

Dalam masyarakat, beliau merupakan pendakwah bebas, pengajar di masjid dan surau. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Fatwa dan Ahli Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Ahli Jawatankuasa Risalah dan Khutbah, MAIPs. Wakil Tuan Pengetua/ Tuan Provos UiTM/ UiTM Kampus Perlis Dalam Jawatankuasa Tetap Kewangan Yayasan Islam Perlis. Sehingga sekarang beliau masih melayani permintaan ceramah dan menulis kertas kerja mengikut keperluan.

Dalam jamaah beliau merupakan da'ie murabbi WADAH dan ABIM. Mantan Yang DiPertua (YDP) ABIM Selangor, mantan YDP ABIM Perlis (1992-2002), mantan Pengerusi WADAH Perlis (2006-2010), mantan Pengerusi Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) Perlis dan jawatan terakhir yang diamanahkan dalam jamaah adalah Pengerusi Syura Negeri (MSN) Perlis (2014-2020).

Beliau telah pulang kerahmatullah pada hari Selasa, 26 Oktober 2021 jam 10.50 malam di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar disebabkan Covid-19, selepas 12 hari dimasukkan ke HTF. Urusan pengkebumian telah disempurnakan di Tanah Perkuburan Santan. Semoga kita ahli jamaah terinspirasi dengan kerjabuat Almarhum. Semoga Allah SWT meredhai dan merahmati Almarhum. Al Fatihah.

*Laporan : Suhaili Hussin*

### PROGRAM INTERVANSI SEKOLAH

Pandemik Covid-19 dunia yang berlaku sejak 2020 telah merubah cara kita berinteraksi dalam naratif baharu persekolahan. Pengajaran dan pembelajaran terpaksa disesuaikan termasuk kaedah PdP atas talian, edaran nota dan tugas bertulis, rakaman video pengajaran dan terakhir PdPR, disamping PdP secara bersemuka.

YTP menyertai Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melakukan anjakan sistem persekolah dengan memanjangkan penggal ke tiga sehingga akhir Februari 2022: dengan tujuan;

- Memperkasa penguasaan asas akademik (PERKASA KU)
- Memantapkan kemahiran social (kemahiran insaniah)
- Wujud keperluan bagi mempersiapkan anak didik untuk naik kelas
- Kekangan kurangnya sesi interaksi bersemuka sepanjang tempoh 2021.

Sekolah terpaksa memikirkan kaedah serasi dengan program mampatan, pecutan dan pengayaan (M2P). Justeru bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan di peringkat sekolah ABIM, YTP mencadangkan program intervensi melalui 10 modul tindakan untuk dijadikan panduan kepada pihak pengurusan di sekolah. Penyesuaian harus dilakukan berdasarkan kepada keperluan, kesesuaian dan keupayaan sekolah dalam melaksanakannya.

Program intervensi selama tempoh pelanjutan penggal tiga (Januari dan Febuari 2022) diharapkan dapat membantu murid memperkasa pengetahuan, kemahiran dan sikap sesuai dengan tuntutan pembelajaran, melengkapkan pusingan proses pembinaan karakter dan yang paling utama mempersiapkan murid untuk meneruskan pembelajaran di kelas lanjutan secara selesa baik dari sudut intelek, emosi dan sosial.

*Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil*

## BIMBINGAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM ISLAH SEKOLAH (PIS) DAN INTERVENSI

Program Islah Sekolah (PIS) telah diperkenalkan kepada semua sekolah ABIM melalui modul PIS. Program penatarannya sudah dilaksanakan sebanyak tiga siri bermula sejak pertengahan 2020 hingga akhir 2021. Begitu juga taklimat program Intervensi bagi mengisi pelanjutan sesi penggal 3 telah diberikan pada November 2021 sebagai persediaan pemerkasaan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam naratif baharu Endemik.

Bermula pada minggu pertama Januari 2022, YTP melaksanakan program bimbingan dan pemantauan bagi ke dua-dua program penting ke semua sekolah, insyaAllah bimbingan dan pemantauan ini akan diselesaikan selewat-lewatnya pada 28 Februari 2022. Lawatan bimbingan ini memenuhi lima agenda utama;

- Pemastian agenda pelaksanaan PIS dimaklumi oleh seluruh warga sekolah
- Keperluan perancangan PIS peringkat pentadbir sekolah disediakan secara teratur
- Penyertaan pimpinan pertengahan sekolah dalam setiap perancangan dan pelaksanaan PIS
- Semakan fail dokumen berdasarkan aktiviti secara komprehenship
- Amalan *learning walk* dilaksanakan kepada semua guru dan difahami prosesnya.
- Pelaporan program Intervensi sesi penggal 3 dari aspek perancangan dan pelaksanaannya

Program bimbingan dan pemantauan ini perlu diselesaikan pada penghujung Februari 2022 bagi membolehkan pelaksanaan sepenuhnya PIS25 dapat digerakkan pada peringkat sekolah apabila sesi baharu 2022 bermula Mac. Fokus utama PIS adalah perubahan kepada prestasi pelajar sederap dengan pembinaan karakter. Perubahan sebenar kepada tingkah laku murid seperti digagaskan melalui amalan pendidikan al-Hikmah hanya boleh berlaku apabila perubahan amalan PdPc di bilik darjah berlaku. Guru mesti beralih dalam memilih pendekatan, kaedah dan teknik mengajar daripada tradisi kepada berpusatkan murid sesuai dengan tuntutan abad 21. Perubahan paradigma dan pendekatan guru perlu bimbingan dan pemantauan dalaman oleh pentadbir yang disokong pemimpin pertengahan; *Learning walk* dan *Professional Learning Community (PLC)* diharapkan dapat mempercepatkan proses peningkatan kualiti pengajaran guru.

*Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil*

## CADANGAN PENUBUHAN SEKOLAH BAHARU

21 November 2021: Pimpinan YTP Pusat telah menyertai bengkel anjuran WAP Bandar Pusat Jengka, Pahang bertempat di Bangunan SERI KAFA Bandar Pusat Jengka. Bengkel dianjurkan dengan matlamat untuk menjana idea memperkemasan kertas cadangan penubuhan Sekolah Rendah Islam ABIM, Jengka Pusat.

Taski dan Seri KAFA Bandar Pusat Jengka yang dimulakan sejak 1996 telah dapat dioperasikan secara teratur dan mendapat sambutan baik daripada komuniti setempat. Kesinambungan daripada itu, sudah sampai masanya ABIM menawarkan khidmat pendidikan di peringkat sekolah rendah Islam di bawah kelolaan YTP. Antara justifikasi penubuhannya adalah seperti berikut;

- Menyediakan peluang pendidikan Islam dalam rangkaian YTP kepada anak ahli dan komuniti Felda Jengka Pusat,
- Menerima masuk lepasan TASKI Jengka Pusat di samping menyediakan feeder kepada SEMI Kuantan
- Menyediakan peluang kerjaya ahli atau anak ahli WAP yang memiliki kelayakan
- Menyediakan laluan kenaikan pangkat kepada guru TASKI dan guru SERI KAFA Jengka Pusat yang telah memiliki Diploma Pendidikan dan pengalaman mengajar selayaknya.

Bengkel yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah YTP dan tiga Pengarah di YPT, Ustaz Rashid (Penasihat), Hj Abdul Aziz Mansor (Pengerusi AJP), Hj Muhamad Hisham dan pasukannya telah bersetuju dengan ketetapan;

- Penubuhan Jkuasa Pelaksana peringkat WAP Jengka Pusat
- Menjalankan tinjauan ringkas dalam kalangan ibu bapa yang memiliki anak di Taski tahun akhir dan komuniti setempat
- Membentangkan kertas penubuhan SERI ABIM JENGKA kepada Majlis Syura Negeri Pahang untuk persetujuan
- Mendaftarkan sama ada kepada PPD Jengka/JPN Pahang atau Majlis Agama Islam Pahang sebelum menandatangani perjanjian persefahaman dengan pihak YTP Pusat.

*Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil*